

Sejak hampir sedekad penubuhannya, kumpulan militan IS mendalangi serangan yang mengorbankan ribuan nyawa yang tidak bersalah. Bertopengkan Islam, sasaran mereka merentasi agama. Selain menyasarkan Dunia Barat dan sekutu mereka, IS membunuh dengan kejam masyarakat Islam yang menolak pendirian ekstrem kumpulan itu. Berikut kekejaman ISIS sepanjang 2015.

PENUBUHAN IS

Penubuhan kumpulan militan IS bermula dengan kumpulan pemberontak yang ditubuhkan Abu Bakr al-Baghdadi berikutan pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq pada 2003.

Pada 2006, Abu Musab Al-Zarqawi, seorang penjenayah Jordan yang telah ke Afghanistan untuk menentang Soviet Union, menubuhkan badan payung kumpulan pemberontak Sunni yang diketuai oleh Al-Qaeda di Iraq.

Apabila Zarqawi meninggal, beliau telah diganti oleh Abu Ayyub Al-Masri. Baghdadi kemudian menjadi ketua bahagian hal ehwal agama.

Baghdadi menjadi ketua organisasi tersebut setelah kematian Al-Masri pada 2010.

Kumpulan itu juga menamakan dirinya IS.

Pada Jun 2014, kumpulan tersebut menjadi bahan berita utama apabila ia merampas bandar Iraq, Mosul, dan beberapa wilayah Iraq yang lain.

Kumpulan tersebut lalu mengisytiharkan diri mereka sebagai khalifah dan menyeru orang supaya membantu mereka membina empayar.

Kini IS mempunyai lebih 20,000 militan.



2014

APA Negara Islam di Iraq dan Syria, yang juga dikenali sebagai Negara Islam (IS), Negara Islam Iraq dan Levant (ISIL) serta akronim dalam bahasa arab Daesh.

BILA Feb: ISIS yang sebelum itu merupakan sebahagian daripada jihadi Al-Qaeda telah berpisah disebabkan konflik dalaman.

Jun 2014: Menarik perhatian dunia apabila mereka mengisytiharkan penubuhan khalifah negara Islam yang merangkumi beberapa kawasan di Iraq dan Syria.

Hingga kini, kumpulan tersebut telah menjajahi 300,000 kilometer persegi. Mereka membangunkan sekolah untuk kanak-kanak dan sesi latihan untuk imam-imam baru dalam wilayah jajahan mereka.



Kini diketuai Ibrahim Awad Ibrahim al-Badri al-Samarrai, yang juga dikenali sebagai Abu Bakr al-Baghdadi (gambar kecil).

SIAPAKAH ABU BAKR AL-BAGHDADI?

Pemimpin yang telah menggantikan Abu Umar al-Baghdadi, pemimpin ISIS yang meninggal dunia pada 2010.

Abu Bakr al-Baghdadi dilahirkan di kota Samarra, Iraq, pada 1971 dan mendakwa keturunan Nabi Muhammad daripada Bani Quraisy, salah satu kriteria penting seorang khalifah.

Mendapat PhD dari Universiti Islam Baghdad dalam jurusan budaya, sejarah dan perundangan Islam.

Beliau mempunyai kelayakan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pemimpin lain seperti Osama Bin Laden yang mempunyai pekerjaan seperti jurutera dan doktor, oleh itu beliau lebih dihormati.

SIAPA

Januari 2015

CHARLIE HEBDO

Sebuah video yang memaparkan antara tiga penyerang bersenjata semasa kejadian Charlie Hebdo mengisytiharkan kesetiaan kepada IS telah timbul.

Sekumpulan lelaki bersenjata senapang automatik Kalashnikov dan pelancar roket melepaskan tembakan di pejabat majalah satira mingguan Charlie Hebdo pada 7 Januari.

Serangan tersebut telah membunuh seramai 12 orang dan mencederakan 11 yang lain.

Mac 2015 Yaman

SERANGAN KE ATAS DUA MASJID

Pengebom nekad membunuh sekurang-kurangnya 142 jemaah dan mencederakan 357 yang lain semasa solat Jumaat di dua masjid ibu kota Yaman, Sanad, pada 21 Mac.

Masjid Badr diserang dua pengebom nekad sementara dua lagi pengebom nekad menyerang sebuah lagi masjid.

Serangan ke atas masjid yang digunakan penyokong pejuang suku kaum Syiah Houthi adalah yang paling teruk dalam kempen keganasan sepanjang tahun di negara itu.



Tunisia

SERANGAN MUZIUM

Kumpulan militan IS, mendakwa bertanggungjawab dalam serangan di muzium negara Tunisia yang mengorbankan 19 nyawa termasuk 17 pelancong asing pada 18 Mac.

Pihak berkuasa negara tersebut berjaya menembak mati dua lelaki bersenjata yang dipercayai ahli kumpulan militan tersebut.

Dalam mesej audio yang dimuat naik ke Internet, IS berkata "dua anggota ISIS kini mempunyai senjata automatik serta bom tangan dan akan menjadikan Muzium Bardo sasaran utama".

September 2015

Yaman

SERANGAN AIDILADHA

Satu letupan menggagalkan masjid di ibu kota Yaman, Sanaa, pada 24 September sedang masyarakat Islam menunaikan solat Aidiladha.

Sekurang-kurangnya 25 orang terkorban.

Menurut saksi, dua pengebom nekad meletupkan diri di Masjid Al-Balili berdekatan dengan akademi polis di Sanaa, yang dikawal kumpulan pemberontak Syiah Houthi.

Para saksi melaporkan selepas pengebom nekad pertama meletupkan diri di dalam masjid, pengebom kedua meletupkan diri di bahagian pintu masuk masjid sedang jemaah berlari keluar.

Oktober 2015 Mesir

PESAWAT RUSSIA TERHEMPAS

Pesawat awam Russia yang membawa 224 penumpang terhempas di Hassana, selatan Arish, Sinai, pada 31 Oktober.

Seramai 17 kanak-kanak antara penumpang pesawat itu bersama 200 penumpang dewasa dan tujuh anggota kru.

Pesawat Airbus A-321 kendalian syarikat penerbangan Kogalymavia itu sedang dalam penerbangan dari kawasan resort Sharm el-Sheikh

Mesir, ke St Petersburg apabila insiden itu berlaku.

IS telah mendakwa mendalangi serangan tersebut.

Pesawat itu terhempas di kawasan pergunungan di tengah daerah Sinai dan cuaca buruk telah menyukarkan usaha pasukan penyelamat tiba di tempat kejadian.

IS berkata ini merupakan tindak balas mereka terhadap serangan udara di Syria oleh Russia.



November 2015

Lebanon

SERANGAN BEIRUT

Dua letupan yang didakwa didalangi militan IS menyebabkan 43 orang terbunuh di kawasan beli-belah terkemuka di bandar raya Beirut, kubu kuat puak Syiah, Hezbollah, pada 12 November.

Lebih 200 orang cedera dan sebahagian besar mereka parah.

Serangan itu berlaku di kawasan beli-belah di Burj al-Barajneh.

Militan IS dalam kenyataan yang disiarkan menerusi media sosial mendakwa bertanggungjawab atas serangan itu.

Tentera Lebanon berkata serangan itu dilakukan dua pengebom nekad dan mayat pengebom ketiga yang gagal meletupkan bahan letupan di badannya ditemui di tempat kejadian.

Perancis

INSIDEN BERDARAH PARIS

Dalam serangan paling dahsyat ke atas negara Barat, militan IS telah membunuh sekurang-kurangnya 129 orang di sekitar enam kawasan di Paris pada 13 November.

IS akui mendalangi serangan tersebut.

Suspek dalam serangan tersebut, Abdelhamid Abaaoud, militan Belgium berusia 28 tahun, terbunuh dalam serbuan polis di sebuah rumah di St Denis, pinggir bandar ibu negara Perancis Rabu lalu (18 Nov).

Sepupunya, pengebom nekad wanita pertama di Eropah, Hasna

Aitboulahcen, 26 telah meletupkan tali pinggang bunuh diri pada badannya semasa serbuan tersebut.

Pihak penguasa mengesyaki penglibatan seorang lagi rakyat Perancis, Bilal Hadfi, pengebom nekad di luar stadium nasional Perancis Stade de France.

Ini menunjukkan bagaimana pengaruh IS semakin berleluasa ke seluruh dunia dan ia bukan sahaja mampu meradikalkan pengikutnya bahkan mendorong mereka bertindak berdasarkan ideologi tersebut.